

22/06/2003

Rafidah minta Barat fahami dasar Malaysia

NEGARA Barat disaran menjadikan Malaysia sebagai tempat mencari idea baru dan memahami segala dasar yang dilaksanakan kerajaan dalam mentadbir, termasuk dasar persyarikatan dan penswastaan.

Ketua Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata tindakan segelintir orang Barat yang menulis buku membidas dasar penswastaan Malaysia, adalah bukti mereka tidak dapat menerima idea baru.

"Mereka mahu kekal dalam doktrin sedia ada dan terikat dengan cara lama, tanpa mahu mencari ruang kepada cara baru, sedangkan kita mencari langkah yang tidak ada dalam buku teks," katanya.

Menyentuh isu hubungan dagang Malaysia dengan Eropah berikutan ucapan dasar Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang didakwa membidas negara Barat, Rafidah menyatakan keyakinannya bahawa jalinan ekonomi tidak akan terjejas.

Katanya, ucapan Dr Mahathir adalah fakta sejarah dan sistem demokrasi mengamalkan sikap kebebasan mana-mana pihak menyuarakan pandangan.

"Negara Eropah membuat keputusan untuk melabur berasaskan perkiraan untung atau rugi. Selagi keadaan politik dan ekonomi stabil, kita yakin mereka akan terus melabur.

"Sebagai contoh, (negara) China sering dikutuk habis-habisan oleh Barat tetapi pada masa sama, syarikat swasta Barat berebut-rebut membawa masuk pelaburan ke China," katanya.

Pada akhir penggulungannya, Rafidah turut memohon maaf daripada Dr Mahathir atas tindakannya yang disifatkan 'kurang tertib' dan mengganggu ucapan Presiden Umno itu pada akhir perhimpunan tahun lalu.

"Saya mengganggu dan memaksa Presiden berhenti beri ucapan. Ia mungkin kurang tertib dan mengganggu perasaan Dr Mahathir.

"Cuma masa itu, kita belum bersedia menerima persaraan Dr Mahathir daripada parti dan kerajaan... saya mohon maaf.

"Saya juga ingin menyatakan sokongan padu Wanita Umno terhadap kepimpinan Pak Lah (Timbalan Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi). Pilihlah pasukan yang boleh membantu dalam kerajaan dan meneruskan pencapaian parti.

"Pesanan kami kepada ahli Umno, biarlah Pak Lah menentukan pilihannya tanpa desakan dan tanpa lobi melobi. Kita sebagai ahli Umno mesti terus menghayati hakikat bahawa segalanya ditentukan Allah," katanya.